

03 APR 2001

RRJP3-Tenaga Buruh

SAIZ TENAGA BURUH AKAN CAPAI 12.9 JUTA PADA 2010

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Saiz tenaga buruh dijangka meningkat sebanyak 3.1 peratus setahun atau tambahan sebanyak 3.3 juta orang dalam tempoh Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3), iaitu mencapai 12.9 juta orang pada 2010.

"Pertambahan tenaga buruh adalah disebabkan oleh meningkatnya bilangan penduduk dalam kumpulan umur bekerja dan peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh daripada 65.5 peratus pada 2000 kepada 68.1 peratus pada 2010," menurut Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri dalam laporannya.

Laporan itu yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat hari ini, menyatakan penyertaan tenaga buruh wanita dijangka meningkat daripada 44.5 peratus pada 2000 kepada 49.0 peratus pada 2010, dengan peningkatan penyertaan kumpulan profesional dan teknikal,

Menurut laporan itu, jumlah penduduk dijangka akan meningkat kepada 28.9 juta pada 2010, iaitu pada kadar purata 2.2 peratus setahun.

Kadar pertumbuhan itu lebih perlahan berbanding dengan 2.5 peratus setahun yang dicapai dalam tempoh RRJP2 berikutan penurunan kadar kesuburan keseluruhan berikutan lebih ramai wanita meneruskan pendidikan dan latihan di peringkat lebih tinggi.

Kadar kesuburan keseluruhan ialah bilangan anak yang boleh dilahirkan wanita dalam lingkungan umur kesuburan.

Penduduk dalam kumpulan umur bekerja 15-64 tahun dijangka meningkat daripada 62.9 peratus pada 2000 kepada 65.7 peratus pada 2010.

Menurut laporan itu, saiz tenaga buruh dijangka meningkat sebanyak 3.1 peratus setahun dengan jangkaan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KNDK) yang lebih pesat dan akan menyebabkan permintaan buruh bertambah daripada 9.3 juta pada 2000 kepada 12.6 juta pada 2010.

Sektor perkhidmatan dijangka akan terus merupakan bahagian terbesar daripada jumlah guna tenaga iaitu menjelang 2010 ia akan meningkat kepada 51.5 peratus iaitu merupakan 59.4 peratus daripada jumlah guna tenaga yang diwujudkan.

Pada akhir RRJP3, sektor pertanian dijangka mencatat 9.8 peratus daripada jumlah guna tenaga dan penggunaan kaedah penanaman berteknologi tinggi dan perladangan berskala besar serta meningkatnya penggunaan jentera akan mengurangkan permintaan terhadap buruh.

Menurut laporan itu, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi pada masa hadapan bagi semua sektor akan didorong oleh industri berasaskan pengetahuan terutamanya sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Dalam ekonomi berasaskan pengetahuan, industri berasaskan sains dan teknologi tinggi seperti ICT, industri farmaseutikal dan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (P&P) akan menjana pekerjaan yang memerlukan pendidikan tinggi terutamanya mereka yang terlatih dalam bidang sains dan teknologi.

Pertumbuhan produktiviti buruh dalam tempoh RRJP3 dijangka meningkat sebanyak 4.2 peratus setahun bagi semua sektor selaras dengan peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan, menurut laporan itu.

-- BERNAMA

AFY AHH RHM